

Dr. M halang proses demokrasi dlm UMNO ?

W. 27 SEP 1983.

WATAN, SELASA 27 SEPTEMBER 1983

DR. MAHATHIR telah pun memberikan kenyataan terbuka. Dewan Nirwana Hotel Hilton senyap sunyi. Para perwakilan bagaikan terpukau ketika mendengar kenyataan Dr. Mahathir yang amat berterus terang itu. Jika kenyataan ini berupa amaran, inilah amaran. Jika kenyataan begini dianggap nasihat, inilah nasihatnya.

Namun, kenyataan, amaran, peringatan dan nasihat telah pun dihamburkan oleh Presiden parti. Datuk Musa ialah rakan dan teman bekerja yang paling sesuai. Dr. Mahathir amat senang dengan Datuk Musa.

Malah, perwakilan 1982 perlu diucapkan syabas kerana memilih Datuk Musa sebagai Timbalan Presiden. Inilah gelodak hati yang terperam dalam jiwa Dr. Mahathir selama ini.

Memang, sejak dulu lagi hati kecil Dr. Mahathir

kan dari UMNO lantaran sikap keterbukaannya. Mahathir dicap ultra lantaran sikap berterus-terangnya. Mahathir disangsikan oleh orang-orang bukan Melayu dahulu lantaran sikapnya yang tidak suka berselindung. Mahathir sendiri menjadi bahan kontraversi kerana sikap terbukanya.

Bagi orang yang tidak suka dengan kenyataan terbuka ini punya rasional yang tersendiri pula. Mahathir tidak

tidak timbulkan isu ini jika tidak penting.

Malah, Mahathir agaknya memang menantikan detik begini untuk menyuarakan pendapatnya. Mahathir tentu memandang lebih jauh ke depan. Mahathir pasti tidak mahu ada gejala-gejala tertentu yang bakal menghancurkan parti. Mahathir pasti tidak ingin melihat parti hancur.

Apatah lagi jika kehancuran ini hanya semata-mata untuk menjaga hati segelintir to-

tidak setuju dengan langkah penerapan Islam oleh petadbiran Mahathir. Mahathir sedang giat Memandang Ke Timur, Datuk Musa pula masih kental dengan westernisasi. Malah, macam-macam lagi tohmah-tohmah yang tidak masuk akal dilemparkan.

Tohmah ini hanya satu matlamat: untuk memporak - perandakan kepimpinan M-M. Atas dasar ini, Mahathir perlu berterus terang. Mahathir perlu menghebutkan kepada semua rakyat bahawa ia sangat senang dengan Musa. Mahathir perlu jelaskan bahawa antaranya dengan Datuk Musa tidak punya apa-apa konflik. Malah, Datuk Musa ialah 'team' Mahathir yang paling intim. Hubungan M-M paling apuh.

inginkan Datuk Musa menjadi Timbalannya. Ramalan dan agakan ini sebenarnya telah disahkan secara otomatis oleh kenyataan Mahathir tempoh hari.

Kenyataan terbuka Mahathir banyak menimbulkan kontraversi. Banyak pendapat yang kontra dan pro dihamburkan. Bukan di kalangan perwakilan sahaja yang bersimpang-siur pendapat masing-masing, namun orang biasa dipinggir jalan juga punya pendapat yang berbagai ragam.

Pendapat yang menentang dengan jelas menganggap kenyataan yang begitu terbuka dari seorang Presiden amat tidak wajar. Golongan ini mempertikaikan rasional di sebalik kenyataan terbuka begini.

Dr. Mahathir memang wajar bersikap terbuka. Sikap berterusterang begini memang menjadi sebahagian dari

Oleh:
IBRAHIM
MUSTAFA

(P)

[REDACTED]

ciri batang tubuh Mahathir sendiri. Ini sifat semula jadi yang sudah tidak boleh dikekang. Kenyataan ini tambah memperjelaskan lagi sikap keterbukaan Mahathir tadi.

TERUS TERANG

Mahathir ialah jenis manusia yang suka berterusterang. Mahathir ialah jenis manusia yang tidak suka berselindung dan bermain 'aci lut'. Sejarah politik Mahathir jelas membuktikan hakikat ini.

Mahathir disingkir-

wajar bersikap begitu terbuka. Sebagai 'bapa', Mahathir perlu menyembunyikan sikap gemar dan senang dengan seseorang anak buahnya. Menyebelahi seorang tokoh atau menyinggung seorang tokoh yang lain.

Kumpulan ini berpendapat, seorang Presiden tidak wajar menyokong secara terang-terangan tokoh favoritnya. Ini akan menimbulkan sikap bermasam muka dalam parti. Sikap tidak senang-menyenang juga akan wujud.

Bukan sahaja sesama tokoh tidak senang-menyenang, malah yang paling ketara ialah antara sesama pengikut masing-masing juga. Saling bermasam muka sesama 'leftenan' inilah yang paling teruk.

Ini pendapat orang yang tidak setuju. Namun, sebagai Presiden parti, Mahathir tentu lebih arif tentang apa yang dibebarkannya. Dalam detik yang sepenting itu, Mahathir pasti

koh - tokoh tertentu. Mahathir ingin melihat UMNO terus hidup subur. Pemimpin boleh pergi dan datang. Pemimpin hipokrit akan hanyut ditelan arus.

Pemimpin jujur tetap kekal disanjung. Namanya meniti dari bibir ke bibir setiap detik. UMNO perlu dipastikan terus hidup. Atas dasar inilah, Mahathir terpaksa berkata sesuatu. Ini penting walau pun cukup pahit untuk diamah.

Fitnah sudah jauh tersebar bahawa Mahathir sudah tidak sebulu lagi dengan Datuk Musa. Antara M-M, sudah tidak wujud lagi persefahaman. M-M sudah tidak dapat bekerja dengan baik. Perbezaan pendapat antara M-M sering kali berlaku.

Orang mentohmah bahawa Datuk Musa ti-

SENSITIF

Orang politik ialah orang yang sangat sensitif. Tiap pergolakan akan merangsang tindakan. Cakap dan sepak terajang tiap tokoh akan diberikan konotasi politik. Ada andaian politik terhadap tiap perilaku mereka.

Implikasi kenyataan Mahathir ini sudah pun dihubungkan dengan pertandingan untuk perwakilan tahun hadapan. Spekulasi kengang bertiup bahawa Datuk Musa akan ditentang kelak. Datuk Musa tidak diberikan kemenangan percuma dengan begitu mudah.

Demokrasi dalam UMNO mengizinkan tentangan terhadap Datuk Musa. Tradisi juga sudah pun membuka lorong ke arah ini. Para leftenan sudah siap sedia untuk dikerah. Proses bisik-bisik sudah pun berjalan, walau pun

belum begitu ghairah. Yang pasti, Datuk Musa akan ditentang. Inilah pendapat ramai.

Secara tidak langsung, Mahathir telah menamatkan spekulasi ini bila membuat kenyataan yang kontraversial tersebut. Orang yang punya cita-cita tinggi untuk menduduki kerusi Datuk Musa terpaksa berfikir berulang kali.

Tokoh yang sudah bermimpi siang dan malam untuk menentang Datuk Musa perlu berfikir panjang - panjang. Individu ini perlu campur tolaq dan darab bahagi terhadap segala implikasinya kelak. Kenyataan terbuka Mahathir merupakan sokongan moral yang paling ampuh untuk Datuk Musa.

Mahathir hanya boleh bahu membahu dengan Datuk Musa. Mahathir tidak senang dengan orang lain. Jika ada tokoh lain yang bertanding dan menang, belum tentu dapat bergandingan dengan Mahathir. Ini bukan rahsia lagi. Mahathir sudah pun menjelaskan pendiriannya.

Dengan lain perkataan, Mahathir tidak mahu orang lain menentang Datuk Musa. Dalam pemilihan tahun depan, Datuk Musa tidak perlu ditandingi. Datuk Musa wajar diberikan kemenangan percuma. Inilah mesej Dr. Mahathir.

Inilah falsafah yang tersirat di sebalik apa yang tersurat. Mahathir tidak katakan bahawa Musa tidak boleh ditentang. Jika Mahathir berhujah begini, Mahathir akan dicap sebagai cuba menggugat berjalannya proses demokrasi dalam UMNO. Mahathir orang cekap dan petah bermain dengan kata-kata.

Malah, firasat Syed Husin Al-Atas ada mendawa bahawa sinar mata Mahathir itu benar-benar menggambarkan beliau seorang yang genius. Mahathir hanya katakan bahawa ia hanya senang bekerja dengan Datuk Musa. Itu sahaja dan tidak lebih dari itu. Jadi, terpulangnya bagaimana publik membuat interpretasi.

Dari nada ucapan, orang tahu bahawa Mahathir tidak inginkan pertandingan untuk merebut jawatan Timbalan Presiden pada tahun hadapan. Ini memang kehendak hati kecil Mahathir. Mahathir tidak inginkan perpecahan dalam parti. Mahathir tidak mahu masa dan tenaga disia-siakan untuk pertandingan yang belum tentu hujung pangkalnya. Mahathir tidak mahu wang ringgit di hamburkan untuk suatu matlamat yang masih kabur.

Masa dan tenaga perlu dimanipulasi untuk matlamat yang lebih dominan. Fikiran boleh digembeling untuk tuju-

an yang lebih ampuh. Mahathir mahu agar masa, tenaga, fikiran dan wang ringgit ini dimanfaatkan semaksimal mungkin untuk kepentingan orang Melayu.

Pada Mahathir, pertandingan untuk merebut kerusi Datuk Musa tidak perlu. Datuk Musa masih sanggup bekerja. Kerusi Timbalan Presiden belum lagi kosong. Datuk Musa masih lagi aktif dan dinamik. Ahli UMNO perlu berpadu untuk memperjuangkan matlamat yang lebih ampuh. Ini lebih penting dari yang lain.

Amaran telah diberi. Nasihat telah diluahkan. Hasrat hati juga telah di hamburkan. Semuanya terpulang kepada ahli UMNO. UMNO hidup atas roh demokrasi. Seninua orang bebas bertanding. Malah, jawatan Presiden pun boleh ditandingi.

Tapi, dalam konteks Datuk Musa, amaran telah pun ada. Mencabar Musa bererti mencabar Mahathir. Menentang Musa sama seperti menentang Mahathir. Fikirlah masak - masak sebelum terlanjur.